

Implikasi Perundangan Terhadap Industri Sukan Semasa Pandemik

(Legal Implications Towards Sports Industry During Pandemic)

JADY@ ZAIDI HASSIM*
ZAIRUL IZZAIN IBRAHIM

ABSTRAK

Pandemik COVID--19 telah memberikan impak yang besar sehingga menyebabkan corak kehidupan masyarakat, perniagaan, aktiviti sosial, pendidikan dan juga aktiviti sukan turut berubah sama sekali. Wabak ini yang pertama kali dikesan pada bulan Disember 2019, dan sehingga hari ini telah mencatatkan sebanyak 227 juta kes dan 4.6 juta kematian di seluruh dunia. Akibat daripada wabak ini, undang-undang khas berkaitan COVID--19 seperti Perintah Kawalan Pergerakan telah diperkenalkan dan menyebabkan industri sukan terkesan secara langsung seperti krisis kestabilan ekosistem industri sukan, isu pembatalan kontrak pekerjaan, pertandingan dan penyiaran. Pandemik ini telah menyukarkan pihak-pihak berkontrak untuk menyempurnakan tanggung jawab mereka seperti yang dipersetujui di dalam kontrak. Kajian ini akan melihat apakah wujud undang-undang, polisi atau statut atau peraturan baru bagi membantu industri sukan semasa pandemik. Keperluan untuk melihat kedudukan perundangan ini penting bagi memastikan pihak yang terkesan dilindungi dan mendapat akses kepada keadilan sewajarnya dan dilindungi secara total seperti yang dinyatakan dengan jelas dalam Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis perundangan dengan mengkaji kandungan undang-undang (kebangsaan) berkaitan serta membandingkannya dengan peraturan badan sukan dunia (antarabangsa). Kajian mendapati kedua-dua aspek kebangsaan dan antarabangsa adalah saling melengkapi. Kajian ini juga mencadangkan agar peruntukan undang-undang ke atas industri sukan perlu diselaraskan seadilnya dalam ketiga-tiga elemen iaitu keperluan akses kepada keadilan menurut SDG2030, pematuhan kepada undang-undang antarabangsa dan kebangsaan serta konsisten dengan peraturan dan perlembagaan badan sukan dunia.

Keywords: COVID--19, keadilan, industri sukan, undang-undang kebangsaan, peraturan antarabangsa

ABSTRACT

The COVID--19 pandemic has a huge impact to an extent where the pattern of community life, business, social activities, education and even sports activities have changed completely. The outbreak was first detected in December 2019, and to date a total of 227 million cases and 4.6 million deaths have been recorded worldwide. As a result of this outbreak, special laws related to COVID--19 such as the Movement Control Order have been introduced which have caused the sports industry to be directly affected such as the crisis of stability of the sports industry ecosystem, the issue of cancellation of employment contracts, competitions, and broadcasting. This pandemic has made it difficult for the contracting parties to fulfill their responsibilities as agreed in the contract. This study will look at whether there are new laws, policies, statutes or regulations to help the sports industry during a pandemic. The need to look at this legislative position is important to ensure that the affected parties are protected and have access to due justice and are fully protected as clearly stated in the Sustainable Development Goals 2030 (SDG2030). This study uses a qualitative approach by examining the content of legal documents comprising of relevant national and international laws as well as comparing them with the rules of international sports bodies. The study found that both national and international aspects are complementary. The study also suggests that the legal provisions on the sports industry should be coordinated fairly in all three elements, namely the need for access to justice according to SDG2030, compliance with international and national laws and consistency with the rules and constitution of international sports bodies.

Keywords: COVID-19; justice; sports industry; national law; international regulation

PENGENALAN

Sukan kini bukan lagi dianggap sebagai satu aktiviti, sebaliknya ia telah berevolusi menjadi aktiviti industri yang cukup besar.¹ Nilai industri sukan secara global dianggarkan bernilai 354.96 billion Dollar Amerika Syarikat dan meningkat kepada 496.52 billion Amerika Syarikat.² Di Malaysia pula sukan telah mula dianggap sebagai industri semenjak tahun 2011 dan industri ini menyumbang sekitar RM 94 billion (6.9%) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2017 dan meningkat kepada lebih RM 100 billion (7%) pada tahun 2018.³ Dengan itu, sukan boleh dianggap sebagai satu sektor yang penting dan merupakan penyumbang kepada ekonomi dan pembangunan sosial.⁴ Peranan sukan juga diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu apabila ia dianggap antara faktor yang boleh menjayakan agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030.⁵

Begitupun, apabila pandemik COVID-19 berlaku, ianya merubah apa yang telah dirancang.⁶ Bermula dengan kes pertama yang dicatatkan di Wuhan pada November 2019, jumlah pesakit COVID- meningkat dengan begitu pantas. Sehingga 12 September 2022, kes COVID- 19 di seluruh dunia mencatatkan sebanyak 608 juta kes dan meragut nyawa sebanyak 6.5 juta manusia.⁷

Kesan daripada pandemik ini, hampir seluruh dunia terpaksa mengambil langkah drastik iaitu dengan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan termasuk Malaysia.⁸ Menerusi perintah ini, orang ramai dikehendaki untuk duduk di rumah sepanjang masa dan aktiviti sosial adalah sangat terbatas. Ini adalah kerana pandemik COVID- 19 ini hanya boleh dihapuskan dengan kaedah amalan kawalan jangkitan yang ketat, contohnya melalui pendekatan kawalan pergerakan dan penjarakan sosial.

Akibat daripada perintah ini bukan sahaja merencatkan aktiviti sosial dan ekonomi dunia malah industri sukan turut sama terjejas. Acara sukan terbesar dunia seperti Sukan Olimpik terpaksa ditangguhkan daripada tahun asal 2020 dan dianjurkan dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat pada 2021. Begitu juga dengan Kejohanan Bola Sepak EURO yang sepatutnya dianjurkan pada 2020 turut telah ditangguhkan dan diadakan pada tahun 2021.⁹ Di Malaysia pula, beberapa acara sukan antarabangsa yang mampu membawa pulangan kewangan yang besar kepada negara seperti F1 dan MotoGP Malaysia terpaksa

dibatalkan¹⁰ dan Sukan Malaysia (SUKMA) yang sepatutnya dianjurkan pada tahun 2020 namun akhirnya terpaksa ditangguhkan kepada tahun 2024.¹¹

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menilai aspek perundangan dalam industri sukan ketika COVID-19 dan mengemukakan remedi yang sesuai digunakan bagi mengurangkan impak tersebut. Dalam memahami kandungan artikel ini, penulis telah membahagikan kandungan kepada tiga isu iaitu isu-isu perundangan yang dihadapi di dalam industri ini yang berdepan dengan pandemik COVID- 19 seperti (a) kesan pembatalan dan penangguhan kontrak, (b) isu hak asasi manusia seperti berkenaan hak kesamaan gender dan (c) kesan kesihatan mental. Artikel ini juga akan melihat beberapa penyelesaian secara remedi perundangan dan beberapa garis panduan dan peraturan antarabangsa.

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis perundangan dengan mengkaji kandungan undang-undang kebangsaan iaitu Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID--19) 2020 (Akta 829) dan Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576). Beberapa dapatan telah diperoleh melalui analisis kandungan ke atas beberapa dokumen dan peraturan khususnya dokumen Matlamat Pembangunan Mampan dan Peraturan Persekutuan Badan Sukan Antarabangsa.

PEMBATALAN DAN PENANGGUHAN KONTRAK

Bahagian ini akan membincangkan isu berkaitan kesan perundangan ke atas industri sukan semasa COVID-19, Akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan ini telah turut memberikan krisis kepada industri sukan.¹² Pembatalan dan penangguhan acara sukan telah menyebabkan rangkaian industri sukan terjejas, merangkumi daripada badan sukan, persatuan sukan, kejohanan sukan, penyiaran sukan hinggalah kepada atlet itu sendiri.¹³ Lebih malang, terdapat ahli sukan yang terpaksa membuat keputusan meninggalkan bidang sukan ini.¹⁴ Krisis seperti ini bukan sahaja melibatkan atlet, malah jurulatih turut sama terkesan.¹⁵ Sementara itu bagi pasukan-pasukan kelab bola sepak pula, mereka masing-masing terpaksa menstrukturkan semula gaji pemain mereka dengan pelbagai cara seperti pengurangan gaji, penangguhan gaji dan ada juga kelab bola sepak yang terpaksa menamatkan pemain dan jurulatih.¹⁶

Impak pandemik ini sungguh besar sehingga menyebabkan ahli sukan terpaksa melupakan terus kariernya¹⁷ sekiranya terdapat kes yang membabitkan atlet terpaksa melupakan karier di dalam bidang sukan akibat daripada masalah gaji yang tidak diperoleh Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa setiap rakyat adalah dijamin *Right of Livelihood* menerusi Artikel 5. Hak kontraktual sebagai seorang pemain professional yang juga bergantung sepenuhnya kepada kerjaya bermain perlu dilindungi oleh Perlembagaan. Sekiranya kerjaya tersebut dibatalkan secara tidak sah atau tanpa alasan yang munasabah, ia boleh dianggap sebagai melanggar hak terhadap kehidupan tersebut.^{18 19}

Kontrak penyiaran adalah kontrak yang paling mahal dalam industri sukan.²⁰ Ia bukan hanya melibatkan penaja dan penyumbang dana, tetapi juga memberi kesan kepada penganjur. COVID-19 telah menyebabkan banyak penganjuran terpaksa ditangguhkan. Selain penangguhan, ada juga acara yang telah dibatalkan. Pembatalan penganjuran sukan memberikan kesan yang cukup besar kepada kontrak penyiaran.²¹ Dari sudut kewangan penangguhan Sukan Olimpik 2020 telah menyebabkan peningkatan kos²² dan dari sudut pembatalan pula, ia memberi kesan perundangan yang mengakibatkan kos mahkamah yang lebih besar dan memakan masa yang panjang.

Perkara ini memberi kesan kepada Badan Persatuan Sukan (BPS), *International Sport Federation (IF)* dan atlet itu sendiri.²³ Ini kerana, di bawah struktur asas dana kewangan pihak Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa akan menjual hak penyiaran The Olympic Partner (TOP). Hasil daripada penjualan ini akan diagihkan kepada negara penganjur sukan tersebut iaitu negara Jepun, *IF* dan juga BPS. Bagaimanapun setelah Sukan Olimpik ditangguhkan, pembayaran tersebut turut sama terpaksa ditangguhkan.²⁴ Sebagai contoh di dalam situasi ini, obligasi pihak rakan media Sukan Olimpik iaitu NBC Universal ialah untuk membayar sebanyak \$1.2 billion dolar Amerika Syarikat sebelum acara sukan itu bermula, namun pembayaran sukan tersebut telah ditangguhkan.²⁵

Impak daripada ini, dana sebanyak \$ 200 juta USD untuk latihan dan pembangunan atlet pasukan Amerika Syarikat telah digantung.²⁶ Keadaan ini tentunya memberikan kesan yang besar bukan sahaja kepada atlet malahan kepada industri sukan itu sendiri.

ISU HAK ASASI MANUSIA BERKENAAN ATLET WANITA

Isu berkenaan hak altet Wanita telah diperdebatkan sejak sekian lama. Dari aspek sejarah, hanya 2% atlet wanita bertanding di Sukan Olimpik pada tahun 1900 berbanding jumlah keseluruhan atlet sebanyak 997, namun data terkini menunjukkan pada Sukan Olimpik pada tahun 2020 sebanyak 48% atlet wanita telah bertanding untuk menyertai acara sukan berkenaan.²⁷ Peningkatan ini berkemungkinan hasil daripada beberapa inisiatif bagi mengimbangkan penyertaan di kalangan atlet wanita, seperti *Olympic Charter* yang menggalakkan dan memberikan sokongan penglibatan atlet wanita di semua peringkat sukan dan di semua struktur bagi melaksanakan prinsip kesamarataan jantina lelaki dan perempuan.²⁸ Perkara ini dilihat sejajar dengan undang-undang di Malaysia apabila Perkara 8(2) turut menghalang sebarang bentuk gender diskriminasi.

Meskipun begitu, terdapat pandangan daripada sarjana yang mendakwa bahawa apabila pandemik melanda ia menyebabkan golongan wanita tidak dapat diwakili sepenuhnya dipinggirkan dalam membuat keputusan dan penilaian berhubung impak pandemik terhadap atlet wanita.²⁹

Antara contoh yang melibatkan bagaimana atlet wanita telah didiskriminasi ialah kes melibatkan pengurangan waktu latihan dan akses alat latihan kepada atlet wanita sedangkan atlet lelaki diberikan lebih keutamaan.³⁰

KESAN KESIHATAN MENTAL

Kesihatan Mental merupakan salah satu komponen terpenting di dalam kesihatan. WHO memberi definisi kesihatan sebagai “ keadaan sempurna fizikal, mental dan sosial serta bebas daripada sebarang penyakit”.³¹ Bagaimanapun apabila kawalan pergerakan diperkenalkan, atlet yang selama ini berinteraksi bersama rakan sepasukan tidak lagi dapat bersua. Dan hal ini memberi kesan terhadap atlet.³² Di dalam hal ini, *international federation (IF)* memainkan peranan dan tanggungjawab mereka untuk mempromosikan gaya kehidupan sihat termasuk mental.³³

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sarjana , kes depresi dan *anxiety* di kalangan pemain bola sepak meningkat berbanding sebelum pandemik.³⁴ Bagaimanapun terdapat sarjana yang berpendapat bahawa kelab bola sepak perlu memainkan peranan untuk menyelesaikan isu ini dengan mempelbagaikan

aktiviti buat atlet³⁵ dan hal ini terbukti berkesan menerusi dapatan yang dibuat ini yang mengesahkan bahawa meskipun perintah kawalan pergerakan dibuat, atlet perlu mempersiapkan diri dengan aktiviti fizikal yang mana ianya boleh mengatasi masalah kesihatan mental.³⁶ Selain itu juga, terdapat kerangka perundangan seperti American Disabilities Act 1990 di Amerika Syarikat³⁷ dan juga Disability Discrimination Act 1995 di United Kingdom³⁸ yang memberi perlindungan kepada sesiapa yang didiskriminasi terhadap sesiapa sahaja termasuklah dari segi fizikal dan mental.

Di Malaysia, terdapat Akta Kesihatan Mental 2001 namun timbul persoalan sama ada atlet negara yang di terkesan akibat daripada pandemik ini boleh menggunakan Akta ini.

REMEDI

Bahagian ini akan melihat kepada aspek perundangan dan remedi secara khusus. Remedi adalah satu bentuk penguatkuasaan mahkamah terhadap hak undang-undang hasil daripada tuntutan undang-undang sivil yang berjaya dihadapkan di mahkamah.³⁹ Melihat kepada keadah penyelesaian mahkamah tersebut, beberapa pendekatan untuk memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terkesan. Secara umumnya, akses kepada keadilan bermaksud sebagai prinsip asas kepada kedaulatan undang-undang. Ianya merupakan satu hak asasi manusia untuk melindungi dirinya secara perundangan.⁴⁰

Pandemik ini telah menyebabkan pengamal undang-undang memperkemas terma *force majeure* dalam setiap kontrak yang ditandatangani.⁴¹ Sebagai contoh, terma berkaitan perbincangan kebolegunaan doktrin *force majeure* tersebut diwujudkan sekiranya berlaku perubahan keadaan dalam kes kegagalan melanjutkan permainan akibat COVID-19 atau perubahan dasar yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.⁴² Begitupun pihak-pihak harus memastikan klausa tersebut wujud di dalam perjanjian tersebut, dan meliputi kejadian pandemik. Begitupun pihak-pihak perlu memastikan terdapatnya satu hubungan antara kedua-dua pihak dan dapat membuktikan bagaimana disebabkan pandemik ini obligasi seperti dipersetujui tidak dapat dilaksanakan.

Selain dari itu, kesemua pihak yang berkontrak termasuk di dalam segmen industri sukan perlu memasukkan klausa *force majeure* supaya ianya lebih inklusif.⁴³ Umumnya apabila menyebut berkenaan *force majeure*, pihak berkontrak akan memasukkan klausa *force majeure* seperti

kejadian gempa bumi, banjir, dan faktor-faktor ekstrem yang tidak memungkinkan pihak-pihak berkontrak melaksanakan obligasi mereka. Namun apabila berlaku situasi pandemik seperti ini, pihak berkontrak perlu memasukan klausa ini bagi melindungi kepentingan mereka.⁴⁴ Melihat kepada kesan yang cukup besar akibat daripada pembatalan acara sukan, sudah tiba masanya penganjur sukan melihat kembali terma kontrak anjuran sukan yang dilakukan. Sepertimana yang telah dibincangkan, pembatalan kontrak ini menyebabkan kerugian yang banyak buat atlet dan juga industri sukan.

Untuk itu, terdapat keperluan untuk penganjur sukan mendapatkan perlindungan insurans bagi melindungi impak kewangan yang terpaksa dihadapi.⁴⁵ Sebagai contoh, kejohanan tenis Wimbledon telah memiliki insurans yang memberi perlindungan kepada penganjur sekiranya berlaku sebarang pembatalan.⁴⁶

Di Malaysia pula, kerajaan telah memperkenalkan Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID--19) 2020 (Akta 829). Akta ini diperkenalkan sebagai tujuan untuk mengurangkan kesan yang berkaitan dengan COVID-19. Akta ini akan memberikan pelepasan sementara daripada tanggungjawab perjanjian atau pematuhan kepada perundangan tertentu bagi suatu tempoh yang ditetapkan demi kelangsungan hidup rakyat. Antara seksyen yang terpakai bagi mana-mana pihak yang terlibat di dalam aktiviti sukan ialah Seksyen 7⁴⁷ yang menyatakan bahawa:

“Ketidakupayaan mana-mana pihak atau pihak-pihak untuk melaksanakan apa-apa obligasi kontraktual yang timbul daripada mana-mana kategori kontrak yang dinyatakan dalam Jadual kepada Bahagian ini yang disebabkan oleh Langkah-Langkah yang ditetapkan, dibuat atau diambil di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) untuk mengawal dan mencegah merebaknya COVID--19 tidak membolehkan pihak atau pihak-pihak lain untuk menjalankan haknya atau hak mereka di bawah kontrak.”

Berdasarkan Seksyen 7⁴⁸ Akta 829 ini, Jadual yang perlu dibaca bersekali di bawah Bahagian ini adalah seperti berikut:

“Kontrak acara bagi penyediaan mana-mana tempat, penginapan, kemudahan, pengangkutan, hiburan, catering atau barangan atau perkhidmatan lain termasuklah bagi mana-mana mesyuarat perniagaan, perjalanan insentif, persidangan, pameran, acara jualan, konsert, pertunjukan, perkahwinan, parti atau perhimpunan sosial lain atau acara sukan, bagi peserta, orang yang hadir, tetamu, penaung atau penonton bagi perhimpunan atau acara itu.”

Sekiranya dilihat daripada seksyen 7⁴⁹ tersebut, hampir kesemua aktiviti termasuklah acara sukan yang mendapat perhatian kerajaan.

Sekiranya tiada persetujuan boleh dicapai diantara kedua-dua pihak yang berkontrak, Seksyen 9 Akta ini turut menyediakan Pengantaraan untuk diguna pakai bagi mencapai persetujuan untuk kesemua pihak. Seksyen 9⁵⁰ menyebut sebagai:

“apa-apa pertikaian berkenaan dengan apa-apa ketidakupayaan mana-mana pihak atau pihak-pihak untuk melaksanakan apa-apa obligasi kontraktual yang timbul daripada mana-mana kategori kontrak yang dinyatakan di dalam Jadual kepada Bahagian ini yang disebabkan oleh langkah-langkah yang ditetapkan, dibuat atau diambil di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk mengawal atau mencegah merebaknya COVID-19 boleh diselesaikan melalui pengantaraan.”

Untuk itu, kerajaan telah memperkenalkan Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19) yang bertujuan untuk membantu mana-mana pihak menyelesaikan pertikaian yang berbangkit akibat ketidakupayaan melaksanakan obligasi kontraktual yang disebabkan daripada langkah kerajaan melaksanakan perintah kawalan pandemik ini.⁵¹ Menerusi PMC-19, pihak kerajaan akan bertindak sebagai penyelar dalam usaha mencari penyelesaian pertikaian yang akan dimainkan oleh Pengantara.

Pandemik ini juga telah menyebabkan orang ramai termasuk di dalam industri sukan kehilangan pekerjaan. Bagi membantu merencanakan semula ekonomi, kerajaan United Kingdom turut mengumumkan ‘*Winter Survival Package*’ yang memperuntukan sebanyak 300 juta pound kepada sektor sukan yang terlibat.⁵² Peruntukan ini merupakan peruntukan kedua yang diberikan, dimana sebelum ini pada Mac 2020, kerajaan United Kingdom telah mengumumkan bantuan sebanyak 195 juta pound kepada sektor sukan.

Sementara itu di Australia pula, mereka turut memperkenalkan ‘*Jobkeeper Scheme*’, dimana mereka yang kehilangan punca pendapatan akan diberikan bantuan sebanyak AUD\$750 seminggu. Australia dengan identitinya sebagai negara sukan adalah antara negara pertama membenarkan aktiviti sukan dijalankan ketika pandemik. Industri sukan di Australia membawa pulangan sebanyak AUD\$14.4 billion dan kerajaan Australia melihat bahawa kesan kerugian yang lebih besar terpaksa ditanggung sekiranya industri sukan tidak dibenarkan beroperasi.⁵³

Malaysia turut tidak ketinggalan apabila turut memperkenalkan beberapa bantuan seperti Bantuan Sara Hidup,⁵⁴ Bantuan Prihatin Nasional dan pelbagai bantuan lain kepada rakyat Malaysia yang terkesan dari sudut kewangan. Menariknya, kerajaan Malaysia turut memperkenalkan skim bantuan khusus untuk industri sukan iaitu Inisiatif Prihatin Sukan⁵⁵ pada Julai 2020.⁵⁶ Menerusi Inisiatif Prihatin Sukan, sebanyak RM 10 juta diperuntukan untuk persatuan sukan yang berdaftar di bawah pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS). Setahun selepas itu, kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) meneruskan komitmennya apabila sekali lagi mengumumkan pakej bantuan yang dikenali sebagai Geran Prihatin Industri Sukan. Menerusi geran ini, peruntukan sebanyak RM 18 juta disediakan untuk dimanfaatkan oleh syarikat yang berdaftar berkaitan industri sukan.⁵⁷

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN DAN AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 dalam Matlamat ke-5⁵⁸ adalah memfokuskan untuk mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan semua golongan wanita. Menerusi pendekatan ini, negara yang terlibat dan Persekutuan Sukan Antarabangsa dapat merangka dasar dan strategi untuk memastikan kehidupan yang lebih baik buat semua termasuk atlet. Adalah diharapkan kerajaan dapat mengaplikasikan SDG 2030 untuk merangka polisi bagi memastikan masa depan mampan untuk rakyat. Selain dari itu juga Matlamat 3⁵⁹ Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) turut menggariskan strategi untuk mempromosikan kesihatan mental. Matlamat ini bertujuan untuk mencapai liputan kesihatan sejagat, dan menyediakan akses kepada ubat-ubatan dan vaksin yang selamat dan berkesan untuk semua, termasuk atlet.

Di Malaysia, Jadual 2 dan 3 Akta Pembangunan Sukan 1997⁶⁰ juga telah menetapkan bahawa di dalam Perlembagaan Badan Sukan hendaklah bebas daripada sebarang aktiviti diskriminasi kepada wanita. Ini akan memastikan tidak wujud sebarang diskriminasi dalam proses pemilihan pemain berasaskan kepada jantina dan jenis permainan. Kegagalan menepati syarat yang diberikan dalam Jadual 2 dan 3 dalam seksyen 19 Akta tersebut akan menyebabkan badan sukan dibatalkan pendaftaran dan dikenakan tindakan sehingga RM50 ribu ringgit di bawah Seksyen 25(2) Akta yang sama.⁶¹

PERATURAN STATUS DAN PERPINDAHAN PEMAIN

Selain itu wujud juga peraturan dalaman berhubung Pengekalan Kestabilan Kontrak antara profesional dan kelab di dalam Peraturan Status dan Perpindahan Pemain (RSTP) oleh Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa atau Federation Internationale de Football Association (FIFA). Bahagian 4 RSTP telah menyediakan satu format bagi menjamin kestabilan kontrak di antara pemain profesional dan kelab. Artikel 13 menyatakan keperluan untuk pemain dan kelab menghormati ikatan perjanjian masing-masing. Berdasarkan prinsip ini, kedua-dua pihak tidak boleh menamatkan kontrak sesuka hati sebaliknya memerlukan persetujuan bersama bagi menamatkan kontrak.

Artikel tersebut bertujuan melindungi kedua-dua pihak semasa kontrak sedang berkuatkuasa. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan menyebabkan pihak yang memungkiri terma kontrak tersebut membayar pampasan kegagalan mematuhi kandungan kontrak atau tebus kontrak. Tebus kontrak adalah satu kaedah di mana pihak yang terkilang boleh menuntut jumlah baki gaji keseluruhan dalam kontrak tersebut.⁶²

PERSEKUTUAN SUKAN ANTARABANGSA

FIFA telah melancarkan beberapa inisiatif dalam menangani isu perundangan dan kewangan. Dari sudut kewangan FIFA telah melancarkan FIFA COVID--19 Relief Plan⁶³ dimana sebanyak AS\$1.5 billion diperuntukan untuk ahli gabungan. Dari aspek perundangan, FIFA memperkenalkan Garis Panduan *COVID--19 FIFA* yang bermatlamatkan untuk memberi panduan dan cadangan kepada setia ahli gabungannya dalam menangani masalah yang dihadapi oleh ahli gabungan kerana pandemik ini. Sebagai contoh bagaimana ahli gabungannya seperti kelab bola sepak boleh terus kekal berdaya saing dan lestari disebalik pandemik ini. Hal ini amat penting kerana kelab-kelab bola sepak yang besar seperti Arsenal turut terpaksa membuat potongan gaji kepada pemainnya.

Bagi kestabilan kontrak di antara pemain bola sepak dan kelab, FIFA telah memperkenalkan COVID- 19 Football Regulation Issue (CFRI Document) yang menawarkan solusi berhubung isu status kontrak pemain bagi liga yang terpaksa ditangguhkan.⁶⁴ Apabila kawalan pergerakan diperkenalkan, liga bola sepak secara umumnya terkesan kerana perlawanan bola sepak tidak

bolehdadakan. Persoalan timbul bagaimana dengan status kontrak apabila liga terpaksa ditangguhkan. Oleh itu FIFA telah menawarkan satu solusi iaitu kontrak pemain akan hanya tamat sebaik sahaja liga tersebut tamat secara rasminya.⁶⁵

Berhubung kontrak pekerjaan yang terkesan akibat daripada pandemik, FIFA mencadangkan agar kedua-dua pihak (pemain dan kelab) berbincang untuk mencari penyelesaian secara adil dan saksama demi kepentingan pemain dan kelab. FIFA juga mencadangkan untuk melihat pendekatan dan bantuan daripada kerajaan negara itu sendiri yang boleh diaplikasikan oleh kedua-dua pihak. Secara asasnya FIFA mengaplikasikan pendekatan untuk kedua-dua pihak berbincang bagi mencapai kesepakatan bersama.⁶⁶ Hal ini boleh dilihat di dalam kes melibatkan kes Georges-Kevin Knoudou Mbida v Besiktas.⁶⁷ Di dalam kes ini, isu timbul apabila kedua-dua pihak berdepan dengan situasi di mana tidak ada sebarang garis panduan dan kerangka perundangan yang boleh diaplikasikan kerana liga terpaksa ditamatkan lebih awal dari sepatutnya, dan majikan (Besiktas) terpaksa membatalkan kontrak pemainnya. Namun isu tersebut selesai apabila Majlis Resolusi Pertikian FIFA memutuskan bahawa di dalam berhadapan dengan situasi ketiadaan sebarang garis panduan atau kerangka perundangan yang boleh diaplikasikan, Majlis Resolusi Pertikaian FIFA () perlu merujuk kepada sama ada terdapat sebarang undang-undang tempatan yang boleh diaplikasikan dan sekiranya tidak ada, FIFA COVID-19 Guidelines boleh diaplikasikan. Bagi memperkemas Garis Panduan Bola Sepak Semasa COVID-19 (*CFRI Document*), FIFA telah sekali lagi menerbitkan satu lagi dokumen perundangan yang dikenali sebagai CRFI FAQs.⁶⁸

DEKLARASI HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

Bagi menjamin kesamarataan, hak-hak asasi telah didokumenkan bagi rujukan dan persefahaman Bersama di peringkat antarabangsa yang dikenali sebagai Perisytiharaan Hak Asasi Manusia Sejagat⁶⁹ (UDHR) pada 10 Disember 1948. UDHR yang diterima di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merupakan satu deklarasasi. Perkara 2 dengan jelas menyatakan bahawa semua manusia umumnya memiliki hak dan kebebasan tanpa sebarang diskriminasi terhadap jantina, untuk itu seharusnya kesemua organisasi menghormati UDHR dengan tidak mendiskriminasikan pemain. Dalam konteks sukan terdapat pengisytiharan khas berkaitan dengan hak asasi pemain, iaitu Perisytiharaan Hak Asasi

Pemain atau Universal Declaration of Players Rights. Ia diasaskan oleh Kesatuan Pemain Bolasepak Profesional (FIFPro). Dalam penisyiharaan ini, setiap pemain mempunyai hak kepada persekitaran sukan yang ditadbir dengan baik, bebas daripada rasuah, manipulasi dan penipuan serta melindungi, menghormati dan menjamin hak asasi manusia setiap orang yang terlibat atau terjejas oleh sukan, termasuk pemain⁷⁰

KESIMPULAN

Kesan pandemik ini adalah sangat besar yang bukan sahaja memberikan kesan kepada atlet itu sahaja tapi turut boleh memberikan kesan ke atas aspek sosio-ekonomi terhadap atlet dan ekosistem industri sukan. Krisis ini seharusnya membuka mata kesemua pihak bagaimana industri sukan yang membawa pulangan yang begitu besar boleh memberi kesan yang cukup dahsyat kepada individu, masyarakat dan negara.

Dengan kaedah perundangan sedia ada dan pengenalan kepada Akta 829, banyak perkara berkaitan diskriminasi, penamatan dan pembatalan kontrak penyiaran, kesihatan mental dan terma kontrak berkaitan industri sukan boleh diselesaikan. Kesimpulan artikel ini menunjukkan seksyen 7 Akta 829 boleh mengurangkan kesan yang timbul ekoran daripada COVID-19 ini. Selain itu, Jadual 2 dan Jadual 3 Akta Pembangunan Sukan 1997 juga memberi beberapa penyelesaian bagi mengatasi isu berkaitan industri sukan ini. Selain itu, Matlamat 3 Matlamat Pembangunan Mampan juga memberi solusi jangka Panjang dan perlu diperhalusi. Namun demikian, remedi yang diberikan tidak memadai dan memerlukan peraturan dan kaedah tambahan yang lain, iaitu menerusi peraturan yang digunapakai oleh Persekutuan Sukan Antarabangsa.

